

Perancangan Pembinaan Korpus Bahasa Melayu di Asia Tenggara



Prof. Madya Salinah Ja'afar
Pengarah Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Date: **Khamis 17 Jun 2021**

Time: **Masa: 2.30 ptg - 4.00 ptg**

Venue: **Pautan: Live YouTube**



<https://tinyurl.com/7rdxy2c5>

Abstrak

Dalam konteks perancangan bahasa, data korpus memainkan peranan utama bagi memastikan setiap perancangan dapat dilaksanakan dengan tuntas. Perancangan korpus atau bahan melibatkan pembinaan ortografi yang menetapkan sistem ejaan rasmi bagi sesuatu bahasa. Setiap negara yang menggunakan bahasa Melayu mempunyai perancangan pembinaan korpus bahasa Melayunya masing-masing dan bagi negara Malaysia, Brunei dan Indonesia, perancangan korpus bahasa juga turut dijadikan agenda utama dalam mesyuarat MABBIM, manakala negara Singapura hanya ikut serta sebagai negara pemerhati. Perkembangan bahasa adalah sejajar dengan perkembangan arus zaman, maka lanjutan dari itu adalah penting aspek pembinaan korpus bahasa ini dikemas kini dari semasa ke semasa. Berdasarkan kepada kepentingan perancangan pembinaan data korpus ini, maka sesi ini akan membincangkan perancangan pembinaan data korpus bahasa Melayu yang disesuaikan dengan perkembangan zaman dan juga teknologi hari ini.

Biodata

Dr. Salinah Jaafar merupakan pensyarah berjawatan Profesor Madya yang berpengalaman dalam bidang bahasa dan linguistik, terjemahan, E-Pembelajaran, pembangun Kurikulum dan teknologi Pendidikan. Memiliki Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Linguistik Gunaan dari Universiti Malaya, beliau kini berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Akademi Pengajian Melayu di universiti yang sama. Dr. Salinah telah menghasilkan banyak kertas kajian serta buku-buku panduan pengan dan pembelajaran Bahasa Melayu. Buku terkini beliau bertajuk Biografi Akademik Nik Safiah Karim: Menelusuri Kegemilangan Bahasa Melayu yang diterbitkan pada tahun 2020.



Semua dipersilakan hadir!




Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Konvenor Siri Seminar Jalinan Budi,
A/P Rokhana Bibi Abdullah (roksana.abdullah@nie.edu.sg).



Untuk menghadiri seminar secara
online, sila imbas kod QR atau lungsuri
<https://ntu-sg.zoom.us/j/93353641514>
ID: 933 5364 1514 Kod: 421463

Media Sosial dan Masyarakat Melayu



Dr Elmie Nekmat Universiti Nasional Singapura

Date: **Rabu, 24 Februari 2021**
Time: **10.30pg - 12.00tgh**
Venue: **NIE3-02-03 (ALC-ICT-Resource Rm)
Institut Pendidikan Nasional
Universiti Teknologi Nanyang**

Abstrak

Secara umum, penggunaan dan pendedahan komuniti Melayu kepada media sosial seiras dengan kaum-kaum lain di Singapura. Namun terdapat perbezaan dari kesan media sosial yang khususnya menjejaskan masyarakat Melayu di Singapura. Antaranya ialah kesan kepada konsep kemasyarakatan dan gotong-royong, kefahaman tentang hal-ehwal Melayu dan Islam di dunia dan serantau, dan pembelajaran dan penggunaan bahasa Melayu. Dalam ceramah ini, Dr. Elmie Nekmat akan berkongsi pemerhatiannya terhadap kesan-kesan tersebut dari sudut psikologi sosial media dan kajian mengenai kesan media. Ini akan disusuli dengan perbincangan mengenai peluang dan rintangan yang boleh diteliti dan dimanfaatkan untuk membina masyarakat yang lebih utuh dengan mempertimbangkan pertumbuhan lanjut teknologi komunikasi rangkaian digital.

Biodata

Dr Elmie Nekmat merupakan Pensyarah Penolong yang memikul tanggungjawab sebagai Timbalan Ketua Jabatan di Jabatan Komunikasi dan Media Baru, Universiti Nasional Singapura. Beliau mengkaji Efek media, dengan memberi fokus kepada proses-proses psikologi sosial dan kesan-kesan sumber serta penilaian informasi dalam sekitaran jaringan sosial yang berpengantaraan komputer. Di samping itu, Dr Elmie menyumbang sebagai lembaga penasihat dalam pelbagai komiti yang terkait dengan media, pendidikan dan komunikasi digital.



Semua dipersilakan hadir!



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Konvenor Siri Seminar Jalinan Budi,
A/P Roksana Bibi Abdullah (roksana.abdullah@nie.edu.sg).